



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** terbuka kepada semua bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

Tajuk Sebut harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut harga	Tarikh Taklimat
<p>SEBUT HARGA MEMBEKAL PERISIAN ADOBE CREATIVE CLOUD UNTUK KEGUNAAN PETUGAS BERNAMA</p> <p>NO. RUJUKAN : BER/SH/03/2024</p>	<p>210103 (Software – Supply all computer software, operating system, database, off-theshelf packages including maintenance)</p>	<p>18 Jun 2024 (Selasa) jam 12.00 tengah hari</p> <p>Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan</p>	<p>07 Jun 2024 (Jumaat)</p>

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai tarikh **07 Jun 2024 (Jumaat)** di laman web portal Myvendor BERNAMA. Syarikat juga wajib berdaftar sebagai pembekal BERNAMA di laman web <https://myvendor.bernama.com/login> bagi sebut harga ini.

Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada syarikat dan kehadiran syarikat adalah **digalakkan**. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 07 Jun 2024 (Jumaat)
Masa : 10.30 pagi
Tempat : Secara atas talian

Syarikat perlu mengisi borang pengesahan kehadiran taklimat (**Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat Sebut harga**) dan diemelkan kepada Urus Setia Perolehan seperti di atas selewat-lewatnya sebelum **07 Jun 2024 (Jumaat)**. **Syarikat wajib mengemukakan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih aktif untuk menghadiri taklimat. Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai sebut harga ini.**

Syarikat perlu mengemukakan tawaran tersebut secara atas talian di laman web myvendor BERNAMA **dan** secara manual dalam peti sebut harga berserta dokumen-dokumen sokongan pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari, 18 Jun 2024 (Selasa)** di alamat berikut:

Bahagian Perolehan
Tingkat 6, Wisma BERNAMA
28, Jalan BERNAMA,
Off Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
(u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)
No Tel : 03-2631 1685
E-mel : haniiah.ahya@bernama.com

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen sebut harga boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang di e-mel kepada alamat di atas.

Tawaran Sebut Harga yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana Arahan Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.